

**BENTUK KERTAS SOALAN**

Terdapat dua bahagian soalan dalam kertas ini iaitu bahagian A dan bahagian B. Dalam bahagian A terdapat satu soalan sahaja iaitu karangan berpandukan gambar. Calon wajib menjawab soalan ini dan panjang karangan antara 200 hingga 250 patah perkataan. Calon menjawab berdasarkan tema dan tugas yang diberi. Dalam bahagian B pula, terdapat lima soalan dan calon memilih satu soalan sahaja. Panjang karangan bahagian B ialah melebihi 350 patah perkataan. Soalan satu berasaskan dimensi diri, soalan dua berasaskan dimensi keluarga, soalan tiga berasaskan dimensi negara, soalan empat berasaskan dimensi antarabangsa dan soalan lima pula berasaskan unsur sastera. Soalan terdiri daripada soalan berformat dan tidak berformat. Soalan berformat ialah soalan satu (ceramah) dan soalan lima (cerpen). Manakala soalan lain pula tidak berformat iaitu soalan tiga, empat dan lima. Karangan boleh ditulis dalam tulisan rumi atau tulisan jawi.

**PRESTASI KESELURUHAN****BAHAGIAN A**

Pada keseluruhannya prestasi calon meningkat. Bilangan calon yang memperoleh markah tinggi semakin bertambah berbanding tahun sebelumnya. Kematangan calon dalam menyampaikan idea juga semakin terserlah. Calon juga dapat membuktikan kemampuan mereka menguasai kemahiran menulis dan menyampaikan idea dengan baik dan berkesan. Mereka juga berjaya menepati kehendak dan tugas soalan berdasarkan bahan rangsangan yang diberikan.

**BAHAGIAN B**

Pada keseluruhannya prestasi calon baik. Kematangan calon dalam menyampaikan dan menghuraikan idea juga semakin jelas. Calon juga dapat membuktikan kemampuan mereka menguasai kemahiran berbahasa dan kemahiran menulis dengan baik melalui penghasilan karangan yang panjangnya melebihi 350 patah perkataan. Namun begitu, masih terdapat calon yang gagal menguasai kemahiran menulis dan menyampaikan idea dengan berkesan. Mereka juga gagal menjawab kehendak dan tugas soalan.

**PRESTASI MENGIKUT KUMPULAN CALON.****BAHAGIAN A****Calon Dalam Kumpulan Tinggi**

Jawapan pelajar mantap selari dengan kehendak dan tema bahan rangsangan. Calon memahami arahan dan kehendak soalan dengan tepat. Jawapan calon menarik kerana menggunakan bahasa yang gramatis, ayat yang bervariasi, kosa kata luas dan tepat, wacananya lengkap dan ungkapan menarik yang relevan digunakan. Idea dihuraikan dengan jelas, matang, lancar, mudah difahami dan kesalahan bahasa sangat minimum. Keseluruhan perbincangan menunjukkan bahawa calon-calon peka akan isu-isu semasa.

### **Calon Dalam Kumpulan Sederhana**

Karangan calon masih menepati tema bahan rangsangan dan mutu jawapan masih memuaskan walaupun pengolahan tidak begitu menarik. Idea masih relevan dengan tema bahan rangsangan dan huraian masih jelas. Bahasa yang digunakan masih gramatis dari segi kata dan ayat. Penggunaan tanda baca masih betul dan tepat. Ejaan masih mengikut sistem ejaan rumi baru. Penggunaan kosa kata umum. Wacananya masih lengkap dan unsur bahasa masih bervariasi.

Namun begitu, terdapat jawapan calon dalam kumpulan ini kurang menepati kehendak tugas. Idea yang dikemukakan ada yang kurang relevan dengan kehendak tugas dan huraian kurang jelas. Selain itu, penggunaan bahasa oleh calon dalam kumpulan ini kurang gramatis dari segi kata dan ayat. Manakala kesalahan-kesalahan tatabahasa juga ketara. Penggunaan ejaan masih mengikut sistem ejaan rumi baru tetapi terdapat kesalahan ejaan yang sangat ketara. Penggunaan kosa kata terhad, wacana pula kurang lengkap dan unsur bahasa kurang bervariasi.

### **Calon Dalam Kumpulan Rendah**

Calon dalam kumpulan ini gagal memahami tugas atau kehendak soalan. Terdapat jawapan kurang menepati kehendak tugas. Ada juga jawapan yang tidak menepati tema bahan rangsangan. Tegasnya, calon tidak menjawab tugas soalan dan idea yang dikemukakan tidak menepati tema bahan rangsangan. Calon juga gagal menguasai kemahiran menulis. Kegagalan ini menyebabkan idea tidak dapat diuraikan dengan lancar, jelas dan tersusun. Terdapat juga jawapan calon tidak mencapai tahap iaitu karangan yang tidak mencapai 200 hingga 250 patah perkataan. Kebanyakan calon dalam kumpulan ini menggunakan bahasa yang kurang atau tidak gramatis. Bahasa yang kurang gramatis masih boleh difahami, manakala bahasa yang tidak gramatis sangat sukar difahami.

## **BAHAGIAN B**

### **Calon Dalam Kumpulan Tinggi**

Calon dalam kumpulan ini dapat menghasilkan karangan yang cemerlang dengan menguasai tatabahasa bahasa Melayu dengan baik, mempunyai perbendaharaan kata yang luas dan tepat penggunaannya. Calon berkemampuan membina ayat yang pelbagai ragam serta berkesan untuk mengungkap maksud yang hendak disampaikan.

Mereka juga dapat memberikan isi-isi yang sangat relevan berserta contoh yang sangat sesuai dan mampu mengolah isi dengan amat baik. Calon juga menunjukkan kematangan fikiran dengan pengolahan yang berkesan.

### **Calon Dalam Kumpulan Sederhana**

Secara keseluruhannya, bilangan calon pada peringkat sederhana adalah lebih ramai berbanding calon dalam kumpulan tinggi. Calon memahami kehendak soalan dan mampu menyenaraikan isi yang cukup serta contoh yang sesuai tetapi terdapat kesalahan bahasa yang ringan seperti ejaan dan kadang-kadang menggunakan kosa kata yang salah atau kurang tepat.

Pengolahan dan pemerenggan masih berkesan dan sesuai. Namun begitu, terdapat juga calon dalam peringkat ini hanya memahami soalan secara tersurat tetapi agak keliru dengan kehendak soalan sebenar. Dalam erti kata lain, calon masih dapat mengemukakan tiga isi

tetapi kurang mengaitkan isi tersebut dengan tajuk karangan. Misalnya bagi soalan satu prinsip Rukun Negara dihuraikan secara umum tetapi kurang mengaitkannya dengan pembentukan rakyat yang berkualiti. Dalam hal ini, bahasanya pula berada pada tahap masih memuaskan dan lancar.

### **Calon Dalam Kumpulan Rendah**

Secara keseluruhannya jawapan calon tidak bermutu. Calon tidak mempunyai kemahiran menulis. Penguasaan perbendaharaan kata amat lemah. Hal ini disebabkan calon kurang membaca serta tidak memahami kehendak soalan menyebabkan mereka gagal memberikan isi yang sesuai.

Pengolahan calon amat lemah sehingga sukar untuk mengesan isi. Isi yang diberi tidak tepat dan bahasa tidak memuaskan atau lemah. Terdapat juga calon yang menghuraikan isi dengan menggunakan bahasa yang dipengaruhi bahasa ibunda masing-masing.

Calon banyak melakukan kesalahan bahasa seperti ejaan, tanda baca dan penggunaan kosa kata yang tidak tepat. Ada sesetengah skrip yang tidak difahami kerana struktur ayatnya tidak jelas dan mengemukakan idea yang tidak berkaitan.

Terdapat sesetengah calon yang menulis karangan tanpa perenggan. Ada sebilangan kecil calon hanya mampu menyalin soalan sahaja dan mengulangnya dalam ayat. Pemerenggan juga tidak seimbang, ada bahagian terlalu panjang dan ada bahagian terlalu pendek. Malahan ada karangan yang mempunyai satu perenggan sahaja. Terdapat calon yang mencampurkan lebih daripada satu isi dalam satu perenggan. Gaya penyampaian kurang menarik dan kurang berkesan. Ada karangan yang tidak mempunyai penutup.



Calon juga gagal menguasai penanda wacana, tidak cekap berbahasa, tiada kesinambungan ayat yang menyebabkan berlaku kelemahan dalam pengolahan dan pemerenggan. Huraian menjadi terputus-putus, hambar dan tidak menarik. Terdapat juga karangan yang tiada penutup atau kesimpulan, seolah-olah karangan tidak selesai.

## PRESTASI TERPERINCI

### Soalan Bahagian A

Gambar di bawah menunjukkan sebahagian daripada cara menjaga kebersihan kawasan persekitaran. Huraikan pendapat anda tentang usaha-usaha yang dapat kita lakukan untuk menjaga kebersihan kawasan persekitaran. Panjangnya huraian hendaklah antara 200 hingga 250 patah perkataan.

#### MENJAGA KEBERSIHAN TANGGUNGJAWAB SEMUA PIHAK



Bagi soalan ini jawapan calon mestilah terdiri daripada isi tersurat dan isi tersirat. Isi tersirat yang dimaksudkan ialah maklumat yang terdapat dalam gambar atau bahan rangsangan yang disediakan.

Calon cemerlang dapat menghasilkan karangan yang relevan dengan bahan rangsangan, huraianya jelas dan matang. Bahasa yang digunakan gramatis dengan kosa kata yang luas

dan tepat. Selain itu, calon juga menggunakan unsur bahasa yang bervariasi dan penggunaan ungkapan yang menarik serta sesuai. Calon pada peringkat ini dapat menggunakan penanda wacana yang sesuai untuk menunjukkan kesinambungan idea antara satu dengan yang lain. Calon mematuhi jumlah perkataan yang dikehendaki seperti arahan dalam soalan. Contoh jawapan calon adalah seperti berikut:

Dalam mengejar <u>era modenisasi</u> ini, masyarakat seakan-akan <u>alpa</u>	} Kosa kata luas Bahasa gramatis
untuk menjaga dan memelihara kebersihan alam sekitar. <u>Senario</u> ini amat	
jelas dibuktikan dengan melihat kawasan persekitaran tidak kira di bandar	
mahupun di desa yang semakin kotor hari demi hari. Sebagai rakyat yang	
prihatin dan <u>peka</u> kita harus mengambil langkah yang drastik bagi menangani	
masalah ini.	
<u>Antara</u> usaha yang dapat dilakukan untuk menjaga kebersihan	} Penanda wacana sesuai
persekitaran ialah dengan menanam sikap cinta akan alam sekitar. Apabila	
<u>semangat cinta/menebal dalam sanubari</u> kita tidak akan tergamak untuk	
<u>merapatkan alam sekitar yang kita cintai</u> . Ibu bapa dan pihak sekolah	} Ungkapan menarik
memainkan peranan penting dalam memupuk semangat ini sejak kecil lagi,	
<u>baik kata pepatah, melentur buluh biarlah dari rebungannya</u> .	

Dewasa ini, manusia semakin kurang didedahkan dengan kepentingan kebersihan. Isu ini seharusnya diambil perhatian yang sewajarnya kerana menjaga kebersihan merupakan tanggungjawab semua pihak. Malah, pelbagai usaha yang dapat kita jalankan untuk memastikan kawasan persekitaran kita bersih dan kemas sepanjang masa.

'Ke mana tumpahnya kuch keblau tidak ke nasi'. Peribahasa ini cukup shohim dengan peranan ibu bapa dalam membentuk anak masing-masing. Realitinya, segala perlakuan dan percakapan anak-anak datangnya daripada ibu bapa itu sendiri. Ibu bapa merupakan golongan utama dalam membina modal insan yang cemerlang untuk generasi akan datang. Ibu bapa perlu mengimplementasikan ahlak-akhlaq yang mulia serta nilai-nilai murni dalam sanubari anak masing-masing. Dalam konteks menjaga kebersihan

1103/1/202

Tuntasnya, semua pihak harus memainkan peranan agar kebersihan alam terpelihara sehingga akhir hayat. Kebersihan alam sekitar penting dalam melahirkan warganegara yang produktif dan dinamis. Kebersihan alam tidak dapat dipelihara jika hanya satu pihak sahaja yang menjalankan tanggungjawabnya. Marilah bersama-sama menghayati keindahan alam dan menjaganya agar dapat dirasai kenikmatannya oleh generasi akan datang. Menjaga kebersihan adalah menjadi tanggungjawab kita bersama.

### Calon Sederhana

Calon pada peringkat sederhana mengemukakan jawapan yang masih menepati tema dan dinyatakan secara umum. Bahasa masih gramatis dari segi kata dan ayat. Manakala wacana masih lengkap dan unsur bahasa masih bervariasi. Terdapat penggunaan peribahasa yang tidak sesuai. Hal ini dijelaskan melalui contoh berikut:

Kesedaran diri merupakan faktor dominan dalam menjamin kebersihan sesuatu tempat. Tanpa kesedaran jika kesedaran diri tidak wujud, maka usaha untuk menjaga kebersihan tidak akan berhari. Individu tersebut ibarat kerakap di celah batu, hidup segan, mati tidak mahu. Dia dianggap tidak berguna kepada negara kerana tidak mahu menjaga kebersihan.

1103/1/1/A

Isi yang dikemukakan oleh kumpulan calon sederhana juga masih jelas dan masih relevan. Hal ini dijelaskan melalui contoh berikut:

Pihak atasan khususnya perlu memainkan peranan mereka. Jabatan Alam Sekitar, Majlis Perbandaran dan lain-lain perlu melaksanakan tanggungjawab yang telah diamanahkan. Pihak atasan juga boleh meningkatkan kadar denda terhadap sesiapa sahaja yang tidak menjaga kebersihan.

~~1103/1/1/A~~  
1107/1/1/1

Kumpulan calon pada peringkat sederhana menggunakan bahasa yang kurang gramatis dan melakukan kesalahan tatabahasa yang ketara. Sebagai contoh terdapat pada sampel berikut:

Seterusnya ~~seterusnya~~ Ibu bapa. Ibu bapa perlu mendidik anak mereka tentang keabaitan menjaga kebersihan kawasan persekitaran dan bagaimana menjaga kebersihan kawasan persekitarannya. Seperti ~~membuat gotong royong~~ <sup>membersihkan kawasan</sup> persekitaran rumah seminggu sekali oleh ahli keluarga.

1103/1/A03

Cara ketiga ialah, masyarakat. Masyarakat juga hendaklah bekerjasama di antara satu sama lain untuk menjaga kebersihan persekitarannya dengan mengadakan gajalan gotong-royong sebulan sekali di kawasan halaman rumah dan persekitarannya kampung atau ~~bandar~~ <sup>taman</sup>.

Kelemahan calon begitu ketara apabila calon tidak menunjukkan penguasaan kemahiran menulis. Banyak kesalahan bahasa dari segi kata dan ayat serta calon tidak memahami bahan rangsangan, menyebabkan calon gagal memperoleh markah dengan baik. Di samping itu, calon menulis kurang daripada 200 patah perkataan. Sebagai bukti dapat dilihat pada contoh karangan berikut:

Isu menjaga kerbersihan kawasan persekitaran sering kerap kita dengari. Terdapat beberapa Faktor yang kita boleh diamalkan.

Faktor terakhir menjaga kebersihan kawasan persekitaran adalah <sup>110</sup> kita hendak mengetatkan undang-undang supaya masyarakat sedar tentang kerbersihan kawasan persekitaran. Masyarakat juga boleh bekerjasama untuk menjaga alam yang <sup>137</sup> dicipta oleh Allah kepada Manusia

Kesimpulannya kita hendak bersatu hati untuk menjaga kebersihan supaya kita hidup dalam keadaan harmoni. Kerbersihan adalah tanggungjawab bersama.

1152 patah pertatah

## PRESTASI TERPERINCI

Pilih satu daripada soalan di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya lebih daripada 350 patah perkataan.

1. Anda mengambil bahagian dalam pertandingan syarahan peringkat sekolah. Tajuk syarahan anda ialah 'Rukun Negara Membentuk Rakyat Berkualiti'. Sediakan teks syarahan itu selengkapnya.

Calon cemerlang dapat mengemukakan karangan berformat syarahan dengan menyatakan idea tentang kelima-lima prinsip Rukun Negara dan diuraikan dengan lengkap serta relevan mengikut tugasan. Calon cemerlang dapat menjawab tugasan soalan dengan tepat. Contoh jawapan cemerlang seperti berikut:

Intihanya,  
~~Intihanya~~ Rukun Negara wajib dipegang teguh oleh seluruh rakyat  
negara kita kerana Rukun Negara ini mampu membentuk rakyat  
yang berkualiti. pelbagai usaha yang dilakukan oleh pihak kerajaan  
dengan pengembiangan tenaga oleh rakyat untuk menerapkan  
nilai-nilai murni dalam Rukun Negara ini ke dalam jiwa rakyat.  
Rakyat juga tidak boleh memandang enteng usaha-usaha murni  
pihak kerajaan ini di samping sentiasa memberi sokongan padu kepada  
mereka. Apab sebagai rakyat Malaysia, kita mestilah tidak bersikap  
seperti enau dalam belukar, melepaskan pucuk masing-masing tetapi  
peganglah pada prinsip <sup>hati gajah sama dilapah, hati kuman sama direcah</sup> 'bersatu kita teguh, bercerai kita rebah'. Apabila  
rakyat yang berkualiti telah berjaya dilahirkan, negara kita akan  
menjadi negara maju dan tidak lagi seperti katak di bawah tempurung  
dan tidak akan berlaku situasi di mana orang lain sudah  
mencecah sampai ke seberang, kita baru hendak mencapai pendarang.  
Sekian, terima kasih.

Calon sederhana dapat mengemukakan idea yang masih relevan dengan isi, masih jelas dan contoh masih sesuai. Di samping itu, penggunaan bahasa kurang gramatis tetapi terdapat kesalahan tatabahasa yang minimum. Kosa kata juga didapati umum dan terhad. Hal ini menyebabkan pengolahan karangan calon kurang menarik dan kurang berkesan. Pada keseluruhannya calon pada peringkat sederhana ini tidak menyentuh satu persatu tentang prinsip Rukun Negara. Contoh jawapan calon sederhana seperti berikut:

Sementelah pulq, prinsip ketiga ialah kedaulatan undang-undang. ~~Kit~~ Kita perlulah sentiasa patuh akan undang-undang negara. Undang-undang dapat membentuk rakyat yang berkualiti jika kita mematuhi ~~undang-undang~~ undang-undang. Hal ini demikian kerana, undang-undang adalah sama seperti peraturan sekolah, yang wajib diikuti. Sekiranya kita ingkar, maka kita telah melanggar peraturan. Impaknya, kita akan menjadi rakyat yang tidak berdisiplin. Peraturan juga membantu membentuk jad-jati diri dalam jiwa. Jika kita berada di negara

orang sekalipun, kita perlulah mengikut peraturan yang ditetapkan. Bak kata pepatah, di mana bumi dipijak, di situ langit dijunjung.  
Sekian terima kasih.

#### Soalan 2:

**Pelaksanaan waktu bekerja lima hari seminggu banyak membawa kebaikan kepada keluarga dan Negara.**

**Jelaskan kebaikan-kebaikan pelaksanaan waktu bekerja lima hari seminggu.**

Calon cemerlang dapat menjawab tugas dengan tepat dan jelas, iaitu pelaksanaan waktu bekerja lima hari seminggu yang membawa kebaikan kepada keluarga dan negara.

Calon juga memahami tentang polisi bekerja lima hari seminggu yang membawa kebaikan kepada keluarga dan negara. Idea-idea calon relevan dengan kehendak soalan, mampu mengemukakan lebih daripada tiga isi penting serta lengkap dengan contoh-contoh yang konkrit dan sesuai. Bahasa yang digunakan gramatis, sesuai dengan laras bahasa di samping ungkapan menarik turut digunakan untuk memperkuat huraian isi. Penggunaan kosa kata, istilah, tanda baca juga tepat dan betul. Gaya bahasa yang indah menggambarkan satu bentuk wacana yang lengkap dan menarik. Contoh jawapan calon cemerlang seperti berikut:

Langkah kerajaan dengan melaksanakan waktu bekerja lima hari seminggu dilihat mendatangkan banyak faedah dan manfaat kepada keluarga dan negara. Langkah ini bijak ini tepat pada waktunya dalam usaha Malaysia merealisasikan Wawasan 2020 yang diilhamkan Tun Dr. Mahathir Mohamad. Dalam merti arus globalisasi yang serba mencabar ini, di samping ledakan teknologi maklumat, Malaysia perlu melangkah lebih maju ke hadapan untuk berdiri sama tinggi, duduk sama rendah dengan negara-negara maju lain di dunia. Persoalannya, apakah faedah-faedah yang boleh diperolehi keluarga dan negara daripada pelaksanaan langkah ini?

Selain itu, masa bersama keluarga dapat dituangkan dengan pelaksanaan waktu bekerja lima hari seminggu. Pada hujung minggu, bersantai bersama keluarga dapat melupakan seketika kerja-kerja di pejabat. Anak-anak juga dapat diberikan perhatian yang lebih dengan kehadiran ibu bapa di rumah. Hal ini boleh membantu karak-karak membesar dengan baik dengan adanya kasih sayang ibu bapa. Pembinaan virus sosial dalam masyarakat seterusnya dapat dielakkan daripada

mempengaruhi pemikiran anak-anak dan membantu  
pembentukan modal insan yang amat diharapkan  
oleh kerajaan negara.

Bagi calon sederhana, idea yang dikemukakan di peringkat ini masih relevan mengikut tugas tetapi contoh yang dikemukakan kurang sesuai. Laras bahasa calon juga kurang sesuai dengan penggunaan kosa kata umum menyebabkan keseluruhan pengolahan kurang menarik. Selain itu, calon menggunakan ungkapan menarik yang kurang sesuai untuk menyatakan sesuatu perkara. Contoh karangan calon sederhana ialah:

sendiri. Masalah pergagungan yang ibarat telur di hujung  
kesan daripada  
terdud pasti mampu ditangani dengan segenak / kekukuhan  
ekonomi negara.

Faedah lain juga dapat dinikmati oleh negara. Hal ini kerana  
dengan berkurangnya gejala sosial dalam kalangan remaja  
mencerminkan betapa negara akan mempunyai pemerintah yang  
hebat pada masa hadapan. Sikap perpaduan dalam anggota masyarakat  
juga menjamin keamanan negara. Bukan itu sahaja, produktiviti  
pekerja yang bermutu juga akan menarik minat pelabur luar untuk  
melabur di dalam negara. Sebagai hasilnya, nama negara akan  
harum di mata dunia.

Calon pada peringkat lemah tidak dapat menjawab tugas dengan tepat. Pernyataan idea tidak disertai dengan contoh dan huraian yang kurang jelas. Terdapat calon yang tidak dapat mengulas kebaikan pelaksanaan waktu bekerja lima hari seminggu. Isi-isi yang dikemukakan oleh calon tidak jelas dan kabur. Calon mencampuradukkan isi yang relevan dengan isi yang tidak relevan. Selain itu, calon tidak menguasai bahasa dengan baik. Sebahagian ayat yang digunakan tidak jelas dan tidak gramatis. Hal ini menyebabkan pengolahan calon tidak menarik dan kurang memuaskan seperti contoh di bawah:

Kita bekerja supaya dapat membeli  
barang yang keinginan untuk sendiri  
dan juga untuk keluarga. Membeli  
keperluan asas untuk keluarga seperti

baju, makanan dan sebagainya, dipav oleh daripada gaji yang dibari oleh kerajaan. Oleh sebab itu kita masti bekerja untuk menyara keluarga dan juga untule sendiri

Bekerja dengan kerajaan yang tinggi boleh meningkatkan maruah keluarga.

Sepanjang saya bekerja, saya juga boleh bantu pentadbiran kerajaan, dapat menjelas-cukai-cukai yang telah diwajibkan untuk kita membayar dan kita juga mengambil tahu saba sedikit tentang negara.

### Soalan 3:

Kerajaan telah menubuhkan banyak institusi pendidikan berasaskan kemahiran seperti Kolej Komuniti, Institut latihan Perindustrian dan Pusat Giat Mara. Antara tujuannya termasuklah untuk melatih golongan belia supaya lebih bersedia dalam menghadapi alam pekerjaan.

Berikan pendapat anda tentang pernyataan di atas.

Bagi calon cemerlang, mereka dapat menjawab tugas dengan tepat berkaitan tujuan kerajaan menubuhkan banyak institusi pendidikan berasaskan kemahiran. Calon yang dikategorikan sebagai matang berupaya mengemukakan lebih daripada tiga isi dengan disokong oleh huraian dan contoh-contoh yang sesuai serta relevan. Bahasa calon amat memuaskan dan lancar. Calon dapat menggunakan kepelbagaian jenis ayat dan kosa kata yang luas. Pertautan idea dan penekanan bahasa yang dihasilkan oleh calon dapat membentuk sebuah pengolahan yang menarik. Contoh karangan calon cemerlang adalah seperti berikut:

Di samping itu, belia yang berkemahiran tinggi dapat memenuhi pasaran pekerjaan. Dilema yang dihadapi oleh kebanyakan belia berpendidikan tinggi adalah kerana memiliki segulung ijazah namun pasaran pekerjaan hanya menerima tenaga kerja berpengalaman. Ada juga belia yang tidak berpendidikan tinggi, namun masih tidak berjaya kerana tidak memiliki kemahiran. Nah, di sinilah letaknya peranan institusi tersebut bagi membantu belia melengkapkan diri dengan tuntutan pasaran. Oleh itu masalah pengangguran dapat di kurangkan dan tidak berlaku lambakan tenaga kerja tepu yang tidak bermanfaat kepada negara.

Calon dalam kumpulan sederhana pula, menjawab pada peringkat masih memuaskan dan kurang mengaitkan idea institusi pendidikan berasaskan kemahiran yang bertujuan melatih golongan belia supaya lebih bersedia dalam menghadapi alam pekerjaan. Ayat yang digunakan kurang gramatis dan penggunaan kosa kata umum serta terhad. Hal ini demikian, pengolahan karangan menjadi kurang menarik dan kurang berkesan. Contoh karangan calon pada peringkat sederhana ialah :

Institut pendidikan <sup>berasaskan</sup> ~~berasaskan~~ kemahiran <sup>seperti</sup> ~~itu~~  
kelejar komuniti, Institut latihan Perindustrian dan Pusat giat masyarakat ini amat baik untuk remaja yang sedang <sup>menganggur</sup> ~~menganggur~~ di negara kita. kepada ibubapa yang mempunyai anak yang tidak mahu ~~bersekolah~~ ~~itu~~ boleh juga dimasukkan di Institut ini supaya anak-anak mereka boleh menjadi insan yang berguna untuk negara kita. dan supaya anak-anak mereka tidak menghabiskan masa mereka dengan melakukan perkara-perkara negatif.

Jawapan calon pada peringkat lemah didapati kurang matang, kurang tepat dan tidak disertai dengan contoh yang konkrit. Kebanyakan calon tidak dapat mengaitkan soalan tentang alam pekerjaan selepas tamat belajar dari institusi tersebut. Penguasaan bahasa calon pada peringkat ini lemah, tidak jelas, tidak gramatis dan banyak kesalahan tatabahasa yang dilakukan. Keseluruhan pengolahan tidak berkesan. Contoh karangan calon pada peringkat lemah ialah:

Di samping itu, Pelajar juga boleh memilih <sup>kerana</sup> pelbagai khusus yang hendak mereka pelajari di sesuatu institusi pendidikan terdapat pelbagai jenis khususnya. Pelajar juga boleh mengambil Sijil, Diploma, degree atau Sarjana dalam khusus yang ~~meng~~ mereka ambil. Antara khusus yang terdapat ialah jururawat, juruteknik, 'Chef', 'Bakery', dan sebagainya lagi.

Kemudahan-kemudahan ini pelajar dapat memperolehi dengan sempurna. Selain itu, selepas pelajar menghabiskan khususnya mereka boleh mencari kerja untuk khusus yang mereka pelajarinya. Mereka juga mencari kerja di dalam negara ataupun di luar negara. Selain itu, mereka juga boleh membuka kedai seperti restoran, 'diskrim shop', dan sebagainya.

#### Soalan 4:

**Kemiskinan masih menjadi masalah utama di kebanyakan negara, walaupun terdapat banyak negara kaya di dunia.**

**Sarankan bentuk sumbangan yang dapat diberikan oleh negara-negara kaya untuk membantu negara-negara miskin.**

Calon cemerlang yang menjawab soalan ini dapat menjawab tugas dengan tepat tentang bentuk sumbangan yang dapat diberikan oleh negara-negara kaya di dunia untuk membantu negara-negara miskin. Mereka juga berjaya membuat takrifan tepat dengan mengemukakan idea-idea yang relevan dan dihuraikan dengan jelas serta matang dalam membincangkan aspek ransangan ekonomi, perkongsian teknologi, pendidikan dan menyediakan tabung atau dana khas yang dapat membantu negara-negara miskin. Bahasa calon bagi kumpulan cemerlang amat memuaskan dan lancar. Calon dapat menulis pelbagai jenis ayat yang gramatis dan sesuai dengan laras bahasa yang digunakan disertai dengan ungkapan menarik seperti peribahasa dan bidalan untuk melengkapkan huraian. Hal ini demikian, menjadikan pengolahan karangan sangat menarik dan berkesan. Contohnya sebagaimana petikan di bawah:

Bentuk bantuan paling penting yang boleh diberikan oleh negara-negara kaya atau negara-negara dunia pertama adalah dalam bentuk rangsangan ekonomi. Hal ini demikian kerana ekonomi yang maju dan stabil dapat menjamin masa depan dan kebahagiaan rakyat terutamanya golongan miskin. Pendapatan negara dapat daripada aktiviti ekonomi yang sihat dan aktif dapat disalurkan untuk pembangunan infrastruktur, pendidikan dan juga sosial kepada masyarakat. Apabila rakyat sudah bebas daripada belunggu kemiskinan, negara juga akan turut maju dan bebas daripada masalah kemiskinan mahupun defisit kewangan yang selalu menghantui negara-negara dunia ketiga. Salah satu contoh usaha yang dapat dilakukan oleh negara-negara dunia pertama dalam merangsang ekonomi negara miskin adalah dengan membeli bahan-bahan mentah dari negara-negara miskin dengan kadar harga yang tetap dan terkawal. Perluara ini dapat menjamin pendapatan negara-negara dunia ketiga tanpa terlalu bergantung pada kepada pasaran dunia. Silap pentingkan diri + negara-negara dunia pertama perlu ditentikan untuk memastikan rancangan ekonomi seperti ini dapat dilaksanakan dengan jayanya jaya kerana kebanyakan negara-negara dunia ketiga masih miskin walaupun dibantu dengan Uthazannah alam seperti permata kerana terpaksa menjual harta alam itu dengan harga yang rendah akibat silap tidak bertanggungjawab sesetengah pihak. Jangan biarkan peristiwa perit yang dilalui oleh penduduk-penduduk Sierra Leone berulang lagi sehingga mereka terpaksa menjadi hamba untuk mencari permata di tanah air sendiri.

Calon bagi kumpulan sederhana mengemukakan idea yang masih relevan dengan tugas tetapi huraian idea kurang jelas dan contoh-contoh yang diberikan kurang sesuai. Calon juga tidak menunjukkan kematangan berfikir. Terdapat juga calon kurang memahami konsep negara kaya dan negara miskin. Idea tersebut dikemukakan secara umum. Dari segi bahasa calon menggunakan bahasa yang kurang gramatis dan ada kalanya cenderung untuk membina ayat yang panjang dan berbelit-belit. Keadaan ini menyebabkan pengolahan calon kurang menarik dan kurang berkesan. Contoh petikan seperti di bawah:

Makanan yang boleh diberi kepada negara-negara miskin ialah seperti beras, roti dan makanan yang mengandungi zat. Negara-negara miskin selalunya kekurangan makanan mahupun tempat tinggal. Sumbangan boleh diberi bagi membina tempat tinggal. Negara-negara kaya harus membantu walaupun apa jua sumbangan yang hendak diberikan. Bantuan dan sumbangan yang diberikan sedikit sebanyak dapat meringankan beban yang dialami oleh negara-negara miskin. Apabila negara-negara kaya bersatu untuk membantu negara-negara yang miskin ini, sumbangan dan bantuan menjadi banyak dan boleh diagihkan kepada negara-negara miskin.

Pada keseluruhannya calon lemah gagal memahami kehendak soalan kerana idea yang dikemukakan tidak jelas dan kabur. Ada kalanya calon mencampuradukkan isi yang relevan dengan isi yang tidak relevan. Sebagai contoh calon menulis faktor-faktor yang menyebabkan kemiskinan. Terdapat juga calon yang tidak memahami konsep negara kaya dan negara miskin. Contoh negara kaya ialah Arab Saudi, London, Singapura dan China.

Manakala negara miskin pula ialah Afrika Selatan, Pakistan, Indonesia dan Columbia. Calon juga tidak menguasai bahasa dengan baik. Sebahagian daripada ayat yang digunakan lebih berbentuk lisan dan tidak jelas maksudnya. Calon juga membina ayat panjang dan tidak gramatis. Kelemahan bahasa telah menjejaskan pengolahan karangan calon. Contoh karangan bagi calon lemah seperti berikut:

Negara kita ialah ada banyak ke miskin atau kaya adalah sesuatu - satu orang yang kaya. ada banyak orang negara kita miskin kerana tak jimat duat. adalah banyak orang baljo daripada orang lain. tidak akan simpan dalam duat dalam bang. kerana semua orang kelurakan daripada dalam bang.

Dalam negara kita ada seseorang jimatkan duat kerana ada orang nak guna duat. guna untuk kegunaan tak guna kesilapan dia orang nak guna untuk makan dengan belik barang sahaja. Dunia kita adalah banyak orang miskin kerana tidak dapat bantukwan kecuali banyak negara - negara kita dia orang tak akan tahu mengimbal gimmat kan duat. negara - negara miskin ialah di amakan orang yang tersebut.

#### Soalan 5:

Tulis sebuah cerpen atau skrip drama yang berakhir dengan dialog di bawah:

Adam: Aku menyesal: segala-gala yang aku lakukan selama ini memang salah !

Haris: Syukurlah, engkau telah sedar ! Masih belum terlambat untuk engkau kembali ke pangkal jalan.

Calon cemerlang dapat memahami dengan tepat dan jelas tugas yang diberikan dan berjaya menulis sebuah cerpen atau skrip drama yang menarik dan berkesan. Selain itu, calon dapat menguasai teknik penulisan cerpen atau skrip drama dengan baik dan mengemukakan tema, persoalan yang jelas, perkembangan dan teknik plot yang menarik. Calon juga berjaya menarik minat pembaca untuk mengetahui perkembangan cerita. Di samping itu, calon berjaya mengakhiri cerpen atau skrip drama dengan menghubungkaitkan dialog yang dikemukakan dalam soalan. Dari segi bahasa yang dipersembahkan oleh calon sangat baik dan mantap. Terdapat kepelbagaian ayat dan penggunaan kosa kata yang luas dan tepat. Penggunaan ungkapan menarik seperti peribahasa dan perumpamaan dapat menghasilkan cerpen atau skrip drama yang menggunakan bahasa lebih gramatis dan indah. Idea dan bahasa dalam karangan calon cemerlang telah menampakkan kematangan

berfikir calon dan sekali gus pengolahan ayat yang dibina oleh calon sangat menarik dan meninggalkan kesan kepada pembaca.

Melihat rakannya yang masih membisu, ingatan Haris ligat berputar kepada butir-butir panggilan tadi. "Doktor Haris, syarikat rakan kami telah mengenalpasti syarikat yang bertanggungjawab menjalankan aktiviti pembalakan harau dan pemburuan biatang. Syarikat tersebut dimiliki oleh Encik Adam Mukhriz. Sebanyak 500 batang pokok Meranti, Cengal dan Jati telah ditebang dalam masa dua minggu sahaja. Haiwan-haiwan yang dilindungi seperti gajah dan rusa serta harimau turut diburu. Hanya bangkai-bangkai biatang tersebut sahaja dijumpai merata-rata tempat dipenuhi semut dan bakteria pengurai. Syarikat itu juga dipercayai telah menghantar organ-organ anggota-anggota haiwan tersebut seperti taring, gigi, kulit dan sebagainya untuk diproses menjadi barangan perhiasan, kosmetik dan sebagainya," Jelas Pegawai Perhutanan itu Encik Ali Amir, rakan baikinya. Hati Haris Perasaan Haris bercampur baur. Hatinya gembira mengenangkan perkenayah yang selama ini dia cari telah dapat dikecapi. Namun begitu, hatinya kesal <sup>teramat sangat</sup> mengenangkan Adam ialah <sup>dalangnya.</sup> ~~orangnya~~

Bagi calon sederhana pula, didapati kurang mempunyai kemahiran menulis cerpen atau skrip drama. Hal ini menyebabkan adanya calon yang mencampuradukkan tugas yang diberi antara teknik penulisan drama dengan cerpen. Sepatutnya calon membuat pilihan sama ada menggunakan teknik penulisan drama ataupun cerpen. Cerpen yang dihasilkan oleh calon sederhana kurang menarik kerana struktur plot dan klimaks kurang jelas dan kadangkalanya penyelesaian pada bahagian peleraian begitu mudah dan tergesa-gesa. Calon gemar menulis ayat yang terlalu panjang dan kurang gramatis. Kesalahan tatabahasa kerap dilakukan oleh calon. Kemahiran berbahasa yang terhad dan kekerapan kesalahan tatabahasa menyebabkan pengolahan karangan calon kurang menarik dan berkesan sebagaimana petikan di bawah:

Semasa Adam dan kawan-kawannya merancang hendak mencuri emas di kedai emas, tanpa disedari seramai tiga orang polis telah mengepang mereka. Mereka ditahan di balai polis untuk siasatan lanjut. Setelah disiasat mereka adalah penagih dadah bawah umur. Mereka dibawa untuk diberikan kaunseling. Adam dan rakan-rakannya insaf akan kesalahannya. Adam kembali ke sekolah dengan wajah baru untuk meneruskan pelajarannya yang sudah ketinggalan jauh. Datang seorang sahabatnya ke arah Adam. Dialog mereka:

Haris: Adakah kamu sudah o.k ?

Adam: Ya, jawab Adam ringkas. Malu dengan perbuatannya sendiri.

Haris: Tidak mengapa. adakah kamu menyesal apa yang kamu lakukan ?

Kebanyakan calon lemah tidak dapat memahami kehendak soalan, justeru jawapan mereka tidak tepat dan tidak relevan dengan tugas. Calon juga tidak mematuhi arahan iaitu mengakhiri cerita seperti yang terdapat dalam kertas soalan. Selain itu, calon tidak mempunyai idea yang jitu berkaitan dengan tugas dan teknik penulisan bercampur aduk antara drama dengan cerpen. Isi diuraikan pendek menyebabkan huraian tidak berkembang dengan baik. Bahasa calon pula didapati tidak gramatis, tidak berkesan dan sering menggunakan bahasa lisan. Kemahiran berbahasa yang terhad dan kesalahan tatabahasa yang ketara menyebabkan pengolahan karangan calon kurang menarik dan tidak berkesan. Contoh petikan sebagaimana di bawah:

Malam semakin pekat, Adam masih lagi termangu sendirian di belakang blok asrama putera. Adam melihat jam yang bertingkat di pergelangan tangan kiri, jam sepuluh malam. Adam masih tidak berganjak. Sekali lagi Adam menyedut asap rokok dalam-dalam kemudian menghembuskannya ke udara. Putung rokok dibuang lalu dipijak. Adam mengeluarkan mancis dari dalam keceknya dan menjalatkannya. Adam memerhati letakkan api mancis tersebut. Tiba-tiba Adam mendengar bunyi tapak kaki, namun Adam tetap tidak bergerak. Beberapa saat kemudian, Adam ditegur dengan kasar. Adam menoleh, rupanya pengawas tingkatan empat yang bertugas.

Pengawas : Hoi apa awak buat di situ?  
Awak siapa?

Adam : Hei, budak! Tutup mulut awak! Pergi dari sini, menjunggu saja!

Pegawais tersebut melangkah menelakati  
Adam.

Pegawais : Apa awak kata? Awak  
jangan kurang ajar dengan  
saya. Esok pagi nama awak  
akan sampai ke tangan warden.  
Tengoklah!

Adam : Hei budak! Awak ingat saya  
takut dengan awak?  
Buatlah ikut suka hati  
awak, saya tak kisah.

#### SARANAN KEPADA CALON:

1. Calon perlu mematuhi arahan soalan dengan menjawab berdasarkan kehendak soalan mengikut masa yang ditetapkan. Jangan menjawab melebihi masa yang ditetapkan pada bahagian A kerana hal ini akan menyebabkan peruntukan masa untuk karangan bahagian B berkurangan. Pelajar perlu memperoleh markah tertinggi untuk bahagian B.
2. Penggunaan bahasa yang menarik dan bervariasi perlu dititikberatkan supaya kriteria penskoran dapat dicapai.
3. Calon perlu mengetahui semua format karangan supaya markah karangan tidak ditolak bagi kesalahan format.
4. Calon perlu mengetahui teknik penulisan kreatif khususnya aspek komsas kerana soalan nombor lima merupakan format penulisan komsas dan sesuai untuk calon tahap sederhana. Calon-calun perlu membaca bahan-bahan ilmiah termasuk majalah dan akhbar supaya dapat menghuraikan isi dan memberikan contoh yang bernas dalam karangan.
5. Calon perlu menjadikan kamus sebagai bahan rujukan untuk mendapatkan takrifan yang tepat bagi sesuatu istilah.
6. Latih tubi untuk menjawab soalan karangan perlu dipraktikkan supaya calon mengetahui pelbagai tajuk dan tema untuk tujuan penulisan. Di samping itu, bagi calon-calun sederhana perlu diberikan transkripsi karangan supaya dapat memantapkan aspek penulisan.

7. Kemahiran dalam ejaan dan tatabahasa hendaklah ditekankan kepada pelajar melalui rujukan daftar ejaan terkini dan maklumat dalam internet.
8. Calon boleh mendampingi kamus untuk mendapatkan kosa kata yang luas.
9. Calon perlu bijak dalam melahirkan idea utama dan kurang utama ketika menjawab tema bagi soalan karangan.
10. Calon digalakkan menggunakan penanda wacana yang sesuai untuk menghasilkan penulisan yang bermutu.
11. Penggunaan peribahasa, perumpamaan, cogan kata yang sesuai oleh calon dalam penulisan dapat meningkatkan pemarkahan.
12. Calon perlu mengelakkan penggunaan bahasa lisan atau bahasa pasar dalam penulisan.
13. Calon perlu membuat latihan sendiri yang banyak dengan pemantauan guru-guru mata pelajaran.

#### **SARANAN KEPADA GURU:**

1. Guru wajib mengetahui kandungan sukatan pelajaran dan menganalisisnya untuk tujuan perancangan dan penyediaan bahan pengajaran dan pembelajaran.
2. Kemahiran tatabahasa dalam kalangan guru perlu dikuasai melalui pembacaan buku-buku ilmiah, majalah dan sebagainya. Di samping itu, guru hendaklah menjalani kursus tentang kemahiran tatabahasa yang dianjurkan oleh Kementerian Pelajaran dan Dewan Bahasa dan Pustaka.
3. Guru perlu mempelbagaikan kaedah pedagogi pengajaran dan pembelajaran untuk membantu pelajar menguasai dan menggunakan kemahiran penting dalam penulisan.
4. Penguasaan bahasa baku dalam penulisan hendaklah dititikberatkan oleh guru semasa proses pengajaran dan pembelajaran.
5. Proses pengajaran dan pembelajaran guru hendaklah berfokus kepada aspek morfologi dan sintaksis agar pelajar mantap dalam pembelajaran mereka.
6. Guru perlu membimbing dan melatih tubi pelajar-pelajar lemah dalam penulisan agar objektif proses pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu tercapai.
7. Guru perlu memberikan pendedahan terhadap format karangan terkini agar pelajar dapat menjawab soalan penulisan dengan baik dan bermutu.
8. Guru perlu membincangkan isu-isu semasa dan menjadikan sebagai tema dalam penulisan karangan.
9. Guru perlu membimbing pelajar kaedah penulisan dengan merangka karangan sebagai panduan mudah ketika proses pengajaran dan pembelajaran penulisan.
10. Guru perlu menghadiri kursus atau bengkel latihan pemeriksaan skrip yang dianjurkan oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia atau pihak-pihak yang berkenaan.
11. Guru berperanan untuk mengingatkan pelajar-pelajar agar membaca arahan soalan dan mengenal pasti kehendak soalan dengan teliti.
12. Guru hendaklah mengenal pasti tentang teknik penulisan mudah secara sistematik dan berkesan.
13. Guru perlu menyediakan modul pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Bahasa Melayu 1103/1 sebagai bahan pembelajaran di sekolah.